

09 JUL 2000

Senjata-kanak-kanak

PEMIMPIN AL MA'UNAH CARI KANAK-KANAK UNTUK JADI ANGGOTA MEREKA

KUALA KANGSAR, 9 Julai (Bernama) -- Beberapa orang pemimpin kumpulan ajaran sesat Al Ma'unah telah datang ke pekan Sauk sejak setahun lalu untuk mencari anggota baru dari kalangan murid sekolah di kampung berdekatan pekan itu.

Seorang daripada mereka, pelajar tingkatan dua sebuah sekolah di Kuala Kangsar, berkata dia dan beberapa kanak-kanak lain sering diajak untuk pergi ke markas kumpulan itu di Klang, Selangor, bagi mendalami ajaran kumpulan itu, tetapi dia menolak.

"Sejak setahun yang lalu saya sering diajak seorang pemimpin kumpulan itu, penduduk asal sebuah kampung di sini, yang datang menemui saya bersama-sama dua rakan lain untuk pergi ke Klang," kata pelajar itu kepada pemberita ketika ditemui di pekan Sauk, 20 km dari sini hari ini.

Dia sering menceritakan kehebatan ketua kumpulannya Mohamed Amin Razali dan menyuarakan kebenciannya terhadap Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir, katanya.

Menurut pelajar itu, adiknya berumur 11 tahun berjaya dipengaruhi oleh kumpulan berkenaan untuk menyertai mereka.

Dia berkata pemimpin kumpulan itu di Sauk, yang mempunyai talian persaudaraan dengan Mohamed Amin, ada memberitahunya mereka berminat untuk menjadikannya seorang daripada anggota kumpulan itu kerana kononnya rupanya mirip dengan seorang rakan pemimpin itu di Mekah.

Katanya kumpulan itu juga pernah mempelawanya belajar menggunakan senapang patah di sebuah hutan di pekan itu selain hendak mengajar silat.

Pelajar itu berkata pemimpin kumpulan Al Ma'unah itu juga sering membawa kanak-kanak sekolah ke rumahnya, di sebuah kampung di Sauk, bagi mendedahkan tentang kehebatan Mohamed Amin, yang dapat menahan kesakitan apabila tubuhnya dibakar.

"Dia tunjukkan kepada kami menerusi rakaman video kehebatan Mohamed Amin yang membiarkan tubuhnya dibakar," katanya.

Menurutnya kali terakhir dia berjumpa dengan Mohamed Amin ialah pada Hari Raya Aidilfitri yang lepas tetapi tidak bersembang dengannya kerana pemimpin Al Ma'unah itu hanya berdiam diri dan membuat hal sendiri.

Pelajar itu juga berkata dua minggu lepas dia dibawa pergi memancing dengan pemimpin Al Ma'unah itu yang mendakwa dia boleh mengesan kawan atau musuh tanpa perlu melihat atau mengetahui niat jahat seseorang itu dengan hanya melihat wajah seseorang itu.

Pemimpin kumpulan itu juga pernah memberikan jubah dan kain serban berwarna putih dan merah tetapi dia terpaksa memulangkannya kerana tidak muat.

Pemimpin Al Ma'unah itu juga berkali-kali berpesan kepadanya supaya merahsiakan tentang kem silat kendaliannya dan tempat latihan menembak di situ daripada pengetahuan pihak berkuasa dan orang ramai.

Katanya pemimpin Al Ma'unah itu juga sering menunjukkan kepadanya parang yang dihiasi dengan ayat-ayat Al Quran tetapi tidak pernah mengajarnya menggunakan parang itu.

-- BERNAMA

MHI ZS RON